



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “PUASA: MENGINSAFI KEMISKINAN – MENJAUHI PEMBAZIRAN”

31 Mac 2023 / 9 Ramadan 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا شَهْرَ رَمَضَانَ بِبِعَمَةِ الصِّيَامِ، وَفَضَّلَ أَيَّامَهُ عَلَى سَائِرِ الْأَيَّامِ،  
وَضَاعَفَ فِيهِ الْأَجُورَ وَالْإِنْعَامَ، وَشَرَعَ فِي نَهَارِهِ الصِّيَامَ وَفِي لَيْلِهِ الْقِيَامَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ  
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَلِكُ الْعَلَّامُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ رَسُولُ  
السَّلَامِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ يَا حَسَنَ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “PUASA: MENGINSAFI KEMISKINAN – MENJAUHI PEMBAZIRAN”

Firman Allah SWT ayat 8 hingga 9 surah al-Insan:

﴿وَيُطْعَمُونَ الطَّعَامَ عَلَى حَيْثُ مَسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ﴿٨﴾ إِنَّمَا نَطْعِمُكُمْ لَوَجْهِ اللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنْكُمْ جَزَاءً وَلَا شُكْرًا ﴿٩﴾﴾

Bermaksud: Mereka juga memberikan makanan yang disukai mereka kepada orang miskin, anak yatim dan orang tawanan. (Sambil berkata); “Sesungguhnya kami memberi makanan kepada kamu hanya kerana mengharapkan keredaan Allah, kami tidak berharap sebarang balasan dan ucapan terima kasih daripada kamu”.

### Sidang Jumaat yang dikasihi,

Ramadan telah memasuki hari kesembilan; bermakna sudah lapan hari umat Islam menyempurnakan ibadah puasa. Terkandung pelbagai kebaikan serta hikmah dalam ibadah puasa, antaranya, menginsafkan ummah agar dapat memahami erti kesusahan,

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



serta erti berlapar kerana tiada makanan. Semoga keinsafan tersebut akan menyemaikan rasa kasih dan ihsan dalam jiwa kita; seterusnya jiwa kita dapat menghayati kesusahan yang selama hari ini dialami oleh golongan fakir miskin. Semoga rasa insaf melalui pengalaman berlapar dan berdhahaga akan meningkatkan rasa syukur akan lebih nikmat rezeki kurniaan Ilahi kepada kita, lalu mendorong hati kita bersifat pemurah untuk menghulurkan bantuan agar dapat meringankan derita kesusahan fakir miskin.

Rekod dalam sistem eKasih, Pejabat Pembangunan Negeri Perak, bertarikh 15 Mac 2023, menunjukkan 9,175 isi rumah berada dalam golongan miskin tegar; manakala 23,545 isi rumah, berada dalam golongan miskin, menjadikan 32,720 isi rumah di negeri ini berada di bawah paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Daripada jumlah tersebut, 12,265 atau 37% isi rumah berada dalam golongan miskin bandar, sementara 20,455 atau 63% isi rumah berada dalam golongan miskin luar bandar.

Kerajaan telah dan terus merintis pelbagai usaha mahu menangani masalah kemiskinan. Namun begitu, ummah juga, terutama mereka yang dilimpahi dengan nikmat rezeki yang berlebihan, turut mempunyai tanggungjawab untuk membantu orang miskin. Ayat 8 hingga 9 surah al-Insan yang khatib bacakan pada awal khutbah, menjelaskan ciri-ciri *abrar* iaitu orang yang sentiasa berbuat kebaikan; iaitu mereka yang memberikan makanan atau bantuan kepada golongan fakir miskin semata-mata kerana Allah SWT.

Ramadan memberi ruang yang baik untuk ummah mempertingkatkan amal kebaikan membantu fakir miskin dengan mencontohi sunnah Baginda SAW yang gemar memberi sedekah dalam bulan Ramadan. Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dari Sayidina Ibnu Abbas RA mafhumnya: “Rasulullah adalah orang yang paling lancar (dermawan) dalam segala kebaikan dan Baginda lebih dermawan pada bulan Ramadan, maka Baginda adalah orang yang paling lembut dalam segala kebaikan melebihi bayu angin yang bertiup.”

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Antara perkara yang sangat ditegah dalam Islam ialah pembaziran. Berpandukan kajian, tercatat kira-kira 17,000 tan sisa makanan dibazirkan setiap hari di Malaysia. Secara purata, setiap keluarga Malaysia, dianggarkan membuang sisa makanan antara 500 hingga 800 gram sehari. Pembaziran ini, menyebabkan berlaku kerugian 210 ringgit sebulan, menyamai jumlah kerugian 2,600 ringgit setahun bagi setiap isi rumah.



Rekod menunjukkan pada hari, bulan dan musim perayaan seperti bulan Ramadan dan bulan Syawal, atau ketika berlangsungnya sesuatu acara sambutan, sisa makanan yang dibuang ke dalam tong sampah meningkat 25% dari hari-hari biasa.

Fakta menunjukkan berlaku paling banyak sisa makanan pada bulan Ramadan. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam mendapati, dalam bulan Ramadan, penyumbang terbesar sisa makanan ialah isi rumah, sebanyak 38%, berbanding 25% sisa makanan di pasar basah, 23% di restoran, dan 7% di hotel. Jika ummah memiliki rasa insaf dan mula mengamalkan sikap berjimat cermat, dipercayai lebih banyak bahan makanan dapat diselamatkan dari berakhir di dalam tong sampah, sekali gus lebih ramai orang susah berpeluang mendapat bantuan makanan, dan lebih ramai mereka yang menghadapi kelaparan kerana ketandusan bekalan makanan boleh mendapatkannya.

Rasulullah SAW sangat menegah perbuatan membazir seperti sabda Baginda yang bermaksud: Sesungguhnya Rasulullah SAW melintasi suatu kawasan dan melihat Sa'ad Ibn Abi Waqqas RA sedang berwuduk, lalu Baginda bersabda: “Pembaziran apakah ini wahai Sa'ad?” Maka Sa'ad menjawab: Adakah pada wuduk juga terdapat pembaziran? Lalu Baginda menjawab: “Ya, sekalipun kamu berada di sungai yang mengalir.”  
(Riwayat Ibnu Majah)

Kebelakangan ini terdapat begitu banyak hotel, restoran dan peniaga makanan menyediakan pakej bufet hidangan iftar Ramadan, dengan menawarkan harga daripada puluhan hingga ratusan ringgit seorang. Pakej yang menyajikan pelbagai dan aneka juadah berbuka puasa. Diperhatikan banyak makanan yang tertinggal di pinggan, makanan yang tidak dapat dihabiskan oleh pelanggan, lalu berlaku pembaziran. Diperhatikan juga, pelanggan pula yang telah membayar harga pakej yang mahal, mengamalkan budaya tidak sihat, mengambil makanan secara berlebihan. Suasana ini memerlukan pelbagai pihak bermuhasabah. Dihargai usaha pelbagai pihak menyediakan pakej bufet Ramadan untuk memudahkan ummah melakukan berbuka puasa secara berkumpulan yang dapat meningkatkan hubungan silaturahim. Namun, tujuan perniagaan dan tujuan mendapat keuntungan jangan sampai merosakkan tujuan utama dan tujuan sebenar ibadah puasa. Berbuka puasa jangan sampai dijadikan pesta makanan untuk memenuhi naluri dan nafsu. Sedarilah wang yang dibelanjakan secara terlalu berlebihan



semasa sesi berbuka puasa, lebih afdal disalurkan untuk membiayai makanan berbuka puasa dan sahur di masjid, surau, asrama sekolah, rumah anak yatim, rumah orang tua atau disalurkan untuk membantu fakir miskin atau membiayai pakej makanan berbuka dan bersahur yang dihadiahkan kepada mereka yang perlu menjalankan tugas 24 jam sehari, seperti anggota polis, anggota tentera, kakitangan hospital, pemandu kenderaan awam, pengendali tol dan jalan raya dan pelbagai perkhidmatan lagi.

### **Sidang Jumaat yang dimuliakan,**

Mimbar menyenaraikan empat saranan berikut:

**Pertama:** Melipat gandakan amal kebaikan terutama wakaf, infak dan zakat sepanjang Ramadan, di samping membantu mereka yang memerlukan. Ummah disarankan menyemaikan budaya berwakaf dengan berwakaf walaupun seringgit sebulan melalui program waqaf365 di laman sesawang [www.waqaf365.com](http://www.waqaf365.com)

**Kedua:** Amalkanlah kesederhanaan sepanjang Ramadan dengan menjauhi sebarang bentuk pembaziran terutamanya semasa menyediakan juadah berbuka puasa.

**Ketiga:** Ramadan bukan bulan semata-mata mengkhususkan ibadah *fardi* (iaitu ibadah perseorangan), malah untuk menginsafi penderitaan golongan fakir miskin.

**Keempat:** Menyelami dan menghayati kesusahan pelbagai pihak lalu tampil menghulurkan sumbangan kepada anak yatim, ibu tunggal, orang yang dalam keuzuran dan mereka yang terpaksa berhutang serta senantiasa terputus bekalan makanan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ  
بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ  
اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Kurniai kami kesihatan yang berkekalan membolehkan kami menunaikan ibadah. Hindari kami daripada melakukan perkara-perkara yang mengundang dosa, hingga menyebabkan terhapusnya pahala ibadah puasa kami. Janganlah Engkau keluarkan kami dari bulan ini melainkan segala dosa kami telah diampunkan.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.